

05/01/2001

Usaha Umno rangka format perpaduan disambut baik

KUALA LUMPUR, Khamis - Orang ramai menyambut baik usaha Umno memulakan langkah ke arah menyatupadukan orang Melayu dengan merangka `format perpaduan' dan mengajak pemimpin Umno, Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) bersemuka.

Kakitangan kerajaan, Siti Zubaidah Mohd Darus, 22, berkata perbincangan dari hati ke hati itu perlu kerana hubungan antara orang Melayu mulai renggang disebabkan perbezaan fahaman politik.

Beliau berkata, jika ketiga-tiga pemimpin parti Melayu itu berfikiran terbuka dan boleh mengetepikan kepentingan politik masing-masing, perbincangan itu akan mendatangkan manfaat kepada orang Melayu.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilaporkan berkata, cadangan awal Umno ialah mengadakan pertemuan antara Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Cadangan kedua pula membabitkan perwakilan daripada ketiga-tiga parti terbabit. Bagaimanapun, butir lanjut mengenai `format perpaduan' itu akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 12 Januari ini.

Sementara itu, Chan Kok Fei, 21, berharap perbincangan antara ketiga-tiga pemimpin itu akan mencapai kata sepakat supaya negara boleh terus maju tanpa dibelenggu oleh sebarang masalah.

Beliau berkata, orang Melayu adalah kumpulan etnik terbesar di negara ini dan perpecahan yang wujud di kalangan orang Melayu akan menjejaskan perpaduan di antara secara keseluruhannya.

Katanya, orang Melayu harus menjadi contoh kepada kaum minoriti lain ke arah mencapai negara yang aman dan harmoni.

Suthyban Segaran, 27, pula berkata perbincangan antara pemimpin Umno, Pas dan Keadilan diharap dapat menyelesaikan masalah perpecahan orang Melayu secepat mungkin kerana perpaduan adalah asas pembangunan sesebuah negara.

Katanya, rakyat yang tidak bersatu padu dan saling benci-membenci antara satu sama lain akan memudahkan serangan dari luar untuk melemahkan kerajaan dan negara.

"Kita berharap perbincangan antara pemimpin ketiga-tiga parti itu akan menghasilkan sesuatu yang positif supaya perpaduan dapat dikembalikan dan ekonomi negara terus berkembang," katanya.

(END)